

Imsak  
4:44am

Subuh  
4:54am

Syuruk  
6:11am

Doha  
6:33am

Zohor  
12:16pm

Asar  
3:20pm

Maghrib  
6:19pm

Isyak  
7:28pm

\* Tambah 3 minit bagi Belait dan 1 minit bagi Tutong

# media PERMATA

AKHBAR KITA, BAHASA KITA

RECEIVED  
18 SEP 2018  
UNIVERSITI PERPUSTAKAAN SEKARANG digital @ kadar bayaran istimewa

Aturkan surat khabar kegemaran anda dihantar ke depan pintu rumah dan JIMAT!  
Langgan Borneo Bulletin dan Media Permata selama 12 bulan

**TAMBAH BND20** untuk Borneo Bulletin atau Media Permata Digital  
\*Tertakuk kepada terma dan syarat

www.digital.borneobulletin.com.bn

TELEFON 877 7656/816 0055 (BSE) 872 8233/ 884 8875 (K3) atau e-mel: circulation@bruneipress.com.bn

Borneo Bulletin **Weekend** **Sunday** **PERMATA** **PERMATA**

Jilid: MP21/068 | Selasa, 18 September 2018 / 8 Muharram 1440H | B\$1.00 / RM3.50 | Harian Unggul Brunei Darussalam | www.mediapermata.com.bn

## PERMATA KATA

Daripada belajar daripada kejayaan orang lain, belajarlah daripada kegagalan mereka. - Jack Ma

## NASIONAL



Harumkan nama negara

» 10

## DUNIA



Selepas Florence, banjir jadi ancaman

» 15

IKUTI KAMI DI Instagram @mediapermata



2 000002 395508

# TAPAK KAMPUS UNISSA DIPERKENAN

Oleh Salawati Haji Yahya



KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan titah pada Majlis Hafli Al-Takharruj ke-8 UNISSA di ICC, Berakas. - Gambar oleh Muiz Matdani

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Sept - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) memperkenalkan tapak bagi kampus kekal UNISSA didirikan di Mukim Labu, Daerah Temburong.

Baginda juga telah memperkenalkan satu peruntukan bagi pembinaan kampus itu di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11 dalam titah pada Majlis Hafli Al-Takharruj ke-8 UNISSA di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

"Beta berharap dengan adanya kampus itu kelak, akan melonjakkan lagi reputasi UNISSA sekali gus merealisasikan harapan semua untuk melihatnya sebagai hab pengajian tinggi Islam di

rantau ini," titah Baginda. Baginda bertitah bahawa UNISSA bukan sahaja perlu cemerlang dalam negara tetapi juga mesti cemerlang di peringkat serantau dan global serta sudah tiba masanya ia merebut kedudukan dari segi sistem ranking di peringkat rantau mahupun dunia.

"Alangkah baiknya jika UNISSA dapat membuktikan dirinya mampu untuk menjadi saingan kepada universiti yang lain," titah Baginda lagi.

Terdahulu dalam titah, Baginda menegaskan universiti adalah sebuah gedung ilmu dan tempat untuk menimba ilmu, berguru dan membina sahsiah siswazah.

Baginda juga bertitah mengingatkan kelahiran UNISSA bukan setakat untuk menambah bilangan universiti di negara ini tetapi penubuhannya bertujuan untuk menyediakan pengajian tinggi Islam tulen yang sejati. » 5

## Robot bakal ganti tugas manusia

PARIS, 17 Sept - Robot akan mengendali 52 peratus daripada kerja-kerja sekarang menjelang tahun 2025, hampir dua kali lebih banyak berbanding sekarang, menurut satu kajian Forum Ekonomi Dunia (WEF) hari ini.

Peningkatan mendadak juga mungkin melihat satu pertambahan dalam 'peranan baru' untuk manusia, yang perlu memperbaharui kemahiran untuk menyaingi 'peralihan seismik' dalam cara-cara manusia bekerja dengan mesin dan program komputer, kata forum.

"Menjelang tahun 2025, lebih separuh daripada tugas tempat kerja sekarang akan dilakukan oleh mesin berbanding dengan 29 peratus hari ini," kata kenyataan daripada pertubuhan bukan keuntungan dari Swiss itu. - AFP

Gambar fail yang diambil pada 27 Ogos 2018 menunjukkan kakitangan di sebuah kilang pengeluaran robot di Handan, China. Kajian WEF menyatakan bahawa robot akan mengatasi peranan manusia menjelang 2025. - AFP



**Pizza Hut**

**DOUBLE TUESDAY & THURSDAY SETIAP HARI!**

**SPLITZZA LIMITED TIME ONLY!!!**

**25th ANNIVERSARY**

Honey Garlic Chicken **2-in-1 PIZZA** Tuna Delight

**\$23** 2 Regular Pizzas **\$30** 2 Large Pizzas

**pizzahut.com.bn**

Available on the Google Play App Store